

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. 9 /2019**

**KADAR PREMIUM TAMBAHAN BAGI TANAH-TANAH YANG DIUBAH JENIS
KEGUNAAN DAN SYARAT NYATA DI BAWAH SEKSYEN 124, SEKSYEN 124A,
SEKSYEN 137, SEKSYEN 141A, SEKSYEN 142, SEKSYEN 143A, SEKSYEN 148
DAN SEKSYEN 204D KANUN TANAH NEGARA 1965**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 13/2019 yang bersidang pada 2 Julai 2019 telah meluluskan Cadangan Mengenakan Kadar Bayaran Premium Tambahan Baharu Bagi Permohonan Pembangunan Tanah di bawah seksyen 124, seksyen 124A, seksyen 137, seksyen 141A, seksyen 142, seksyen 143A, seksyen 148 dan seksyen 204D Kanun Tanah Negara 1965 melalui Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan 13/2019/D 3 (3).

2. Kadar premium tambahan sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 13/2019 adalah seperti berikut:

Premium tambahan bagi pertukaran daripada Pertanian kepada Bangunan atau Perusahaan dan perubahan syarat di bawah jenis kegunaan tertentu kepada jenis kegunaan yang lain:

2.1 Premium Tambahan

Daripada

Kepada

Kadar Bayaran

[Kiraan premium tanah mengikut jenis kegunaan sekarang dengan jenis kegunaan baru berdasarkan keluasan tanah]

a) Pertanian

Bangunan Kediaman

- RM 1.61 semeter persegi

(RM 0.15 sekaki persegi)

@Banglo –minimum- RM 750/ petak

@ Semi 'D'- minimum-RM 450/ petak

@ Teres- minimum- RM 350/ petak

b) Pertanian	Bangunan Perniagaan	- RM 9.15 semeter persegi (RM 0.85 sekaki persegi) <i>@ minimum RM 1,000/ petak</i>
c) Pertanian	Perusahaan/Industri:	
	Industri Ringan	-RM 11.84 semeter persegi (RM 1.10 sekaki persegi)
	Industri Sederhana	-RM 14.00 semeter persegi (RM 1.30 sekaki persegi)
	Industri Berat	-RM 16.15 semeter persegi (RM 1.50 sekaki persegi)
d) Bangunan Kediaman	Bangunan Perniagaan	-RM 1.10 semeter persegi (RM 0.10 sekaki persegi)
e) Bangunan Kediaman/ Perniagaan	Perusahaan/Industri:	
	Industri Ringan	- RM 5.38 semeter persegi (RM 0.50 sekaki persegi)
	Industri Sederhana	- RM 7.53 semeter persegi (RM 0.70 sekaki persegi)
	Industri Berat	- RM 10.76 semeter persegi (RM 1.00 sekaki persegi)
f) Daripada - syarat nyata asal	Bangunan bertingkat (Strata)	-Merujuk kepada (a) dan (b)

2.2 Bagi tanah-tanah Pekan dan Desa hendaklah diberi pengurangan sebagaimana berikut:

- i. Tanah Pekan -10 % daripada Jumlah Premium yang dikenakan.
- ii. Tanah Desa -20 % daripada Jumlah Premium yang dikenakan.
- iii. Pengurangan adalah tertakluk kepada kadar minimum di para **2.1(a)** dan (b)

2.3 Bagi permohonan Pecah Bahagian Seksyen 143A KTN 1965 yang melibatkan pengesyoran kepada kegunaan semasa di atas tanah, hendaklah dikira mengikut kiraan kadar premium para **2.1 (a)** hingga (e) tertakluk kepada pengesyoran Pentadbir Tanah.

2.4 Bagi permohonan ubah syarat tanah seksyen 124 KTN 1965 daripada Pertanian kepada Bangunan Kediaman dan Perniagaan bagi petak yang tidak dipecah, kadar premium akan dikira mengikut para **2.1 (a)** hingga (e) dengan kadar pengurangan 20% bagi tanah Pekan dan Desa daripada jumlah premium, sebagai mengambil kira serahan utiliti dan jalan apabila diproses di bawah seksyen 137 KTN 1965 kelak tertakluk kepada maksud permohonan daripada tuan punya tanah.

2.5 Bagi permohonan ubah syarat tanah seksyen 124 KTN 1965 yang melibatkan perkembalian tanah kepada kategori dan syarat asal tanah hendaklah dikira mengikut kadar di atas, **2.1 (a)** hingga (e).

2.6 Jika berlaku pelanggaran syarat atau jenis kegunaan bagi tanah-tanah berkenaan, premium tambahan (sebagai denda) hendaklah dikenakan sebagai tambahan kepada jumlah premium perubahan syarat yang dikenakan mengikut kadar sepertimana di perenggan **2.6.1 (a)** hingga (c). Asas perkiraannya hendaklah berdasarkan kepada anggaran nilai harga

bangunan yang terlibat dengan pelanggaran syarat, iaitu tidak termasuk bangunan-bangunan yang dibenarkan di bawah seksyen 115(1) (a) Kanun Tanah Negara 1965.

2.6.1 Premium denda pelanggaran syarat dan jenis kegunaan adalah seperti berikut:

<u>Daripada</u>	<u>Kepada</u>	<u>Kadar Bayaran</u>
[Peratus daripada harga bangunan yang terlibat dengan pelanggaran syarat]		
a) Pertanian	i) Bangunan Kediaman	2.5 %
	ii) Bangunan Perniagaan	5 %
	iii) Perusahaan/Industri	10 %
b) Bangunan Kediaman	i) Bangunan Perniagaan	2.5 %
	ii) Perusahaan/Industri	5 %
c) Bangunan Perniagaan	i) Perusahaan /Industri	2.5 %

2.6.2 Kadar premium tambahan dan premium denda ini hendaklah diguna pakai ke atas semua jenis permohonan dan kelulusan yang melibatkan pertukaran syarat dan jenis kegunaan tanah seperti permohonan di bawah seksyen 124, seksyen 124A, seksyen 143A, seksyen 148, seksyen 204D Kanun Tanah Negara 1965 dan lain-lain permohonan berkaitan yang difikirkan sesuai oleh Pentadbir Tanah.

2.7 Kadar Premium Nominal

2.7.1 Kadar premium nominal ini hendaklah diguna pakai ke atas semua jenis permohonan dan kelulusan yang tidak melibatkan pertukaran syarat dan jenis kegunaan tanah seperti permohonan di bawah seksyen 137, seksyen 142, seksyen 143A, seksyen 148, seksyen 204D Kanun Tanah Negara 1965 dan lain-lain permohonan berkaitan yang difikirkan sesuai oleh Pentadbir Tanah.

2.7.2 Kadar bayaran nominal yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- i. Pertanian kepada Pertanian - RM 200.00 satu petak
- ii. Kediaman kepada Kediaman - RM 300.00 satu petak
- iii. Perniagaan kepada Perniagaan - RM 500.00 satu petak
- iv. Perusahaan kepada Perusahaan - RM 1,000.00 satu petak

2.8 Kadar Premium Tanah Ladang

2.8.1 Kadar Premium tambahan bagi tanah ladang yang melebihi 40 hektar sebagaimana seksyen 214A KTN 1965 hendaklah tertakluk kepada syarat sebagaimana berikut:


2.8.1.1 Premium denda bagi permohonan yang telah melanggar syarat tanah ialah atas kadar RM 500.00 sehektar dan premium ubah syarat tanah ladang iaitu melebihi 40 hektar atas kadar RM 200.00 sehektar.

2.8.1.2 Pertukaran sebarang syarat nyata bagi tanah-tanah jenis kegunaan Pertanian dan pertukaran jenis kegunaan tanah kepada Pertanian hendaklah dikenakan premium tambahan sebanyak RM 200.00 sehektar atau sebahagian daripadanya bagi tanah pertanian yang luasannya kurang daripada 40 hektar.

2.8.1.3 Premium denda bagi perlanggaran syarat (jenis tanaman) di bawah jenis kegunaan pertanian ditetapkan sebanyak satu (1) kali ganda daripada premium perubahan syarat (jenis tanaman) yang dikenakan.

3.0 Dengan ini, Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 3 Tahun 2010, **DIBATALKAN** dan diganti dengan Pekeliling ini.

4.0 Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 13/2019 sebagaimana yang telah ditetapkan.



(
Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

KEPADA:

Yang Amat Berusaha / Yang Mulia,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARUL NAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

NO. FAIL : PTG.KN. 16/2/24 (3)

BERTARIKH : 25 OGOS 2019